




PETIKAN TULISAN
SUCI UNTUK
DIHAFAL:

"Tuhan itu adil
dalam segala
jalan-Nya dan
penuh kasih setia
dalam segala
perbuatan-Nya"

(Maz. 145: 17)

AYAT SUCI MINGGU INI

2 Raj. 4: 42-44;
Maz. 144: 10-11,
15-18;
Ef. 4: 1-6;
Yoh. 6: 1-15.



Dalam petikan Injil, Yesus merasa belas kasihan kepada orang-orang dan ingin memberi makan kepada mereka. Para murid, bagaimanapun, tidak begitu yakin. Mereka menunjukkan bahawa mereka tidak mempunyai cukup wang atau makanan yang ada tidak mencukupi untuk memberi makan lebih daripada lima ribu orang yang berkumpul di sana. Akan tetapi, Yesus mempercayai Bapa-Nya. Dia berdoa dan bersyukur kepada Bapa, dan secara ajaib menyediakan makanan untuk semua orang. Dan tidak hanya setakat makanan yang mencukupi untuk semua orang, bahkan terdapat juga dua belas bakul sisa makanan yang dikumpulkan.

Para pengikut Elisa dan Yesus tidak yakin bahawa akan ada cukup makanan untuk mereka yang berkumpul di sekitar mereka. Dengan kata lain, mereka kurang percaya bahawa Allah akan memenuhi keperluan mereka. Ini adalah tindak balas semula jadi manusia dalam menghadapi situasi yang "mustahil". Bagaimana kita menyediakan untuk ramai orang apabila kita sendiri tidak mencukupi bekal? Tetapi, **dengan Allah, tidak ada yang mustahil, jika kita mempercayai Dia!**

Pemberian Allah untuk kita tidak terhad hanya pada makanan atau benda-benda lain. Ini melampaui semua ini, kerana Allah menghendaki kita memiliki kehidupan yang berkelimpahan (Yohanes 10:10), yang bermaksud Allah ingin membekalkan kita dalam segala bahagian kehidupan kita. Bagi mereka yang telah mengalami kerugian, atau yang hidup melalui serpihan hubungan yang patah dan hati yang hancur, hari ini Kristus mengatakan, "anda akan mempunyai bekal yang mencukupi" dan bahawa "tidak ada yang akan hilang." Dia mendengar tangisan saudara-saudaranya. Dia telah menanggung penderitaan kita dan terus tinggal bersama kita. Dia akan memungkinkan segala sesuatu pada waktu-Nya!

Percaya apa yang mustahil bagi kita tidak menjadi mustahil bagi Allah. ✩

Newbec

NEW WAY OF BEING CHURCH

Hari Minggu Biasa ke-17

HARAPAN: PERCAYA, HIDUP DAN MEMBERI

TEMA BULANAN:

BUKA MULUTMU, PERTAHANKAN YANG TERTINDAS

ALLAH DAPAT MELAKUKAN *Yang Mustahil!*

"**T**uhan akan menyediakan" adalah pesan utama yang meliputi bacaan kitab suci pada hari ini. Bacaan pertama menggambarkan kepercayaan yang dimiliki nabi Elisa dalam Allah kerana dia percaya bahawa Allah akan membekalkan makanan yang cukup untuk seratus orang yang berkumpul di tempat itu. Dia juga tahu bahawa bukan hanya ada makanan yang mencukupi, tetapi orang-orang akan makan dan mempunyai sisa".

